

## Nilai Murni Dalam Modul Kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) (Noble Values in General Education Subject (MPU) Module)

Noor Syahida binti Md Soh  
Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA

Faridah binti Mohd Sairi  
Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA

Mohd Annas Shafiq bin Ayob  
Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA

### Abstrak

Selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia dalam mencapai imbalan di antara aspek akhlak dan ilmu dalam pelan pendidikan Malaysia, pelaksanaan kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) di institusi pengajian tinggi dilihat sebagai salah satu usaha yang sangat murni untuk memupuk nilai dan etika serta identiti nasional dalam diri remaja di Malaysia. Namun, perbincangan mengenai peranan institusi pengajian tinggi bagi menghasilkan graduan yang baik dan berketerampilan tinggi telah menjadi isu kepada peminggiran penerapan nilai dalam kalangan pelajar universiti di mana niversiti telah di anggap sebagai “kilang” bagi menghasilkan beratus ribu jurnal dan graduan. Justeru, analisis terhadap empat modul kursus MPU U1 bagi Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah dijalankan bagi membincangkan apakah nilai murni yang diterapkan kepada pelajar melalui modul tersebut. Analisis deskriptif yang telah dijalankan menggunakan perisian ATLAS.ti9 menemui 40 kod nilai murni dalam keempat-empat modul kursus MPU. Perbandingan bagi 40 kod nilai murni baharu tersebut telah dibuat berdasarkan kepada 16 nilai murni yang digariskan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Terdapat 26 kod nilai Murni baharu yang telah ditemui melalui kajian ini. Kesimpulannya, nilai murni yang terdapat di dalam modul kursus MPU ini adalah bagi mencapai matlamat untuk memupuk jati diri kebangsaan serta penanaman nilai-nilai murni dan moral ke dalam diri pelajar. Justeru, penerapan nilai-nilai murni yang terkait dengan kursus yang ditawarkan ini perlu ditekankan dan menjadi matlamat utama penyampaian kursus tersebut.

**Kata kunci:** Nilai Murni, Kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU), ATLAS.ti

### Abstract

In line with the Malaysian government's aspiration to strike a balance between *akhlaq* and knowledge aspects in Malaysia's education plan, the implementation of the General Education Subject (MPU) courses in Higher Education Institutions is seen as one of the noblest efforts to foster values and ethics and national identity in Malaysian youth. However, the discussion of the role of higher education institutions in producing good graduates and higher skills has become an issue for the marginalization of value application among university students, where the university has been considered a "factory" to produce hundreds of thousands of journals and graduates. Thus, an analysis of four modules of the MPU U1 course for Bachelor's Degree offered at Universiti Teknologi MARA (UiTM) was carried out to discuss what good values are applied to the students through the module. A descriptive analysis conducted using ATLAS.ti9 software found 40 noble value codes in all four MPU course modules. The comparison of the 40 new noble values codes was based on 16 noble values outlined in the National Education Philosophy. 26 new noble value codes have been discovered through this study. In conclusion, the noble values found in this MPU course module are to foster national identity and inculcate good and moral values into the students. Therefore, the application of noble values related to this course should be emphasized and become the main objective of the delivery of the course.

**Keywords:** Noble Values, General Education Subject (MPU), ATLAS.ti.

Article Progress  
Received: 31 March 2023  
Revised: 14 April 2023  
Accepted: 28 April 2023

## 1. PENGENALAN

Islam meletakkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan yang paling utama di dalam pembentukan kerangka syariat Islam. Sabda Nabi Muhammad SAW:

وَحَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ، أَنَّهُ بَلَغَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمُ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ "

Maksudnya:

Dan telah diceritakan kepadaku dari Malik, sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda: “Aku tinggalkan kepada kalian dua perkara yang kalian tidak akan tersesat selamanya selama berpegang teguh dengan keduanya iaitu Kitabullah dan Sunnah Nabi”

(Riwayat Imam Malik)

Segala ilmu yang disampaikan melalui al-Quran dan al-Sunnah adalah merupakan ilmu yang menjadi pegangan yang kukuh bagi pembentukan peribadi individu Muslim. Hakikat bahawa al-Quran dan al-Sunnah memberi penekanan terhadap aspek nilai yang baik tidak dapat disangkal lagi. Nilai yang baik atau akhlak merupakan tujuan utama pendidikan Islam. Malah, Rasulullah SAW diutus ke muka bumi dengan misi untuk menyempurnakan akhlak yang mulia (Mohammad Muslihuddin, 2014). Sabda Rasulullah SAW:

حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ أَبِي أُوَيْسٍ قَالَ: حَدَّثَنِي عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ مُحَمَّدٍ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَجَلَانَ، عَنِ الْقَعْقَاعِ بْنِ حَكِيمٍ، عَنْ أَبِي صَالِحِ السَّمَّانِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya:

Telah diceritakan kepada kami Ismail bin Abi Uwais, beliau berkata: Telah diceritakan kepadaku Abdul Aziz bin Muhammad, dari Muhammad bin ‘Ajlan, dari al-Qa’qa’ bin Hakim, dari Abi Salih as-Samman, dari Abi Hurairah, Sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda: “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”

(Riwayat Ahmad)

Agama berperanan bagi membentuk akhlak manusia samada melalui suruhan mahupun larangan yang terdapat di dalam ajarannya (Mohammad Muslihuddin, 2014). Ianya menjadi satu piawaian terhadap penilaian akhlak manusia. Hubungan yang akrab di antara agama dan pendidikan tidak dapat dipisahkan dari pembentukan nilai-nilai murni yang selari dengan tuntutan akhlak Islam. Matlamat bagi menghasilkan manusia yang berakhlak mulia adalah menjadi tunjang utama dalam proses pendidikan.

## 2. KURSUS MATAPELAJARAN PENGAJIAN UMUM

Kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) telah mula diperkenalkan pada 1 September 2013 sebagai salah satu strategi serta inisiatif yang dirancang bagi tujuan mencapai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) yang menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem pendidikan tinggi negara dan aspirasi pelajar (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016). Bagi mencapai aspirasi Lonjakan 1, iaitu menghasilkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang, graduan perlu didedahkan dengan kepakaran ilmu serta kepakaran teknikal yang relevan dan sesuai untuk menangani cabaran global, demi meningkatkan daya tahan yang tinggi serta berupaya dalam membuat keputusan yang beretika. Justeru, Kementerian Pendidikan Tinggi amat mementingkan penerapan nilai murni, jati

diri kebangsaan, kefahaman terhadap budaya dan ketamadunan, kesedaran diri dan kemahiran berinteraksi sesama manusia (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016). Graduan juga diharapkan dapat membina nilai murni, rasa tanggungjawab dan semangat patriotisme (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016).

Di antara matlamat pelaksanaan kursus MPU yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ialah:

- i. Penyelarasan Mata pelajaran Wajib kepada MPU di IPT
- ii. Pembinaan Negara Bangsa
- iii. Penguasaan dan Peluasan Kemahiran Insaniah
- iv. Pengukuhan dan Peluasan Pengetahuan di Malaysia
- v. Pengaplikasian Kemahiran Insaniah

Berdasarkan tujuan di atas, maka Mata Pelajaran Umum (MPU) dibahagikan kepada empat kategori yang perlu diambil oleh semua pelajar (pelajar Malaysia dan antarabangsa) yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi di Malaysia iatu: U1, U2, U3 dan U4. Jadual 1 menjelaskan pembahagian kelompok kursus MPU serta objektif penawaran bagi setiap kelompok.

Jadual 1. Pembahagian Kelompok Kursus Mpu

MPU	TUJUAN
U1	Penghayatan Falsafah, Nilai dan Sejarah
U2	Penguasaan kemahiran insaniah
U3	Perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia
U4	Kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi (2016)

Pelaksanaan penerapan nilai-nilai murni juga telah dizahirkan melalui penubuhan Jawatankuasa Pendidikan Akhlak di Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1976 yang telah meneliti nilai-nilai yang terkandung dalam pelbagai agama yang diamalkan di negara kita, tidak hanya memfokuskan kepada agama Islam sahaja. Hasrat bagi melahirkan generasi pelajar yang mempunyai nilai-nilai murni ini juga selaras dengan matlamat utama pendidikan di Malaysia yang telah diterjemahkan melalui pernyataan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia (FPK) iaitu:

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.*

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988)

Berdasarkan pernyataan Falsafah Pendidikan Malaysia, fungsi pendidikan dilihat bertujuan untuk menjadi platform bagi pemindahan nilai-nilai ke dalam diri pelajar, seterusnya menjadikan mereka sebuah masyarakat yang hidup dalam keadaan yang harmoni (Sapie Sabilan et al., 2018) Berasaskan kepada pandangan dan maklumbalas yang diperolehi, Jawatankuasa Pendidikan Akhlak yang dianggotai oleh wakil pelbagai agama telah menerima enam belas nilai yang boleh diajar dan diserapkan kepada semua pelajar di negara ini untuk membentuk pelajar yang seimbang dan

menyeluruh dari segi kognitif, afektif, psikomotor dan akhlak (Sapie Sabilan et.al., 2018). 16 nilai yang telah diterima sebagai nilai yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) ialah seperti di dalam Rajah 1 berikut:

1- Baik Hati	2- Berdikari	3- Hemah Tinggi	4- Hormat
5- Kasih Sayang	6- Keadilan	7- Kebebasan	8- Keberanian
9- Kebersihan Fizikal dan Mental	10- Kejujuran	11- Kerajinan	12- Kerjasama
13- Kesedaran	14- Kesyukuran	15- Rasional	16- Semangat Bermasyarakat


Rajah 1. 16 Nilai Murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia  
Sumber: Penyelidik (2021)

Bermula pada sesi pengambilan pelajar 2019/2020, Mantan Menteri Pendidikan Malaysia, Maszlee Malik telah mengumumkan pelaksanaan dua kursus baharu yang wajib dilaksanakan di semua Universiti Awam di Malaysia iaitu; a) Kursus Falsafah dan Isu Semasa serta b) Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Matlamat utama adalah bagi menyelaraskan pendidikan tinggi dengan halatuju pendidikan negara iaitu, pendidikan berteraskan nilai (Luqman Arif, 2019). Bagi memantapkan proses penerapan nilai murni dalam kalangan remaja di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha untuk memperkenalkan semula nilai bersih, cekap, amanah dan sikap rajin yang perlu diterapkan melalui pengajaran kursus-kursus MPU.

Selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, MPU juga berperanan sebagai salah satu komponen yang penting untuk mencapai matlamat pendidikan dengan jelas khususnya bagi membantu proses penerapan nilai murni di dalam diri pelajar. Menurut Che Husain dan Abdul Kadir (2018), pengabaian terhadap kepentingan penerapan nilai pelajar menjadi punca kepada keruntuhan akhlak remaja terutamanya apabila negara semakin maju dan penggunaan teknologi tanpa sempadan yang membawa kepada kerosakan amalan budaya dan adat resam yang telah menjadi warisan zaman berzaman. Nik Mohd Rahimi et.al., (2006) juga turut bersetuju agar kursus pengajian umum tidak dikesampingkan kerana ianya mampu menyumbang kepada pembentukan jati diri dan kekuatan pelajar bagi menonjolkan potensi dalaman mereka untuk membina kerjaya di masa hadapan. Nor Hayati et.al, (2010) pula menyatakan keperluan mengintegrasikan ilmu dan penerapan nilai melalui kursus-kursus pengajian umum bagi menangkis gejala-gejala negatif yang dibawa oleh pengaruh Barat. Oleh itu, ia merupakan satu keperluan untuk memastikan penerapan nilai murni melalui kursus MPU itu dapat diaplikasi dan dihayati oleh pendidik dan pelajar agar ianya mampu membentuk warganegara yang seimbang serta harmonis bagi menyumbang kepada kemajuan negara tanpa mengabaikan kepentingan nilai.

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen terhadap empat modul kursus MPU kelompok U1 yang ditawarkan bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda di UiTM. Analisis deskriptif telah dijalankan dengan menggunakan perisian *ATLAS.ti9*. Perisian *ATLAS.ti9* ini dipilih kerana ianya berupaya untuk menganalisis teks (termasuk PDF), imej, video dan audio dengan mudah (Othman Talib, 2019). Penyelidik telah menjalankan analisis deskriptif dengan membuat perbandingan terhadap nilai-nilai murni yang telah digariskan berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). 40 kod nilai murni telah dikeluarkan daripada silibus serta modul bagi keempat-empat kod kursus ini melibatkan 16 kod nilai murni sedia ada yang telah dikeluarkan melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) oleh Norazri (2015), dan 26 nilai murni tambahan yang telah dianalisis oleh penyelidik. Hasilnya, penyelidik membuat laporan dalam bentuk teks bagi menyatakan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam modul kursus MPU Kelompok U1 di UiTM serta memberikan definisi bagi setiap kod nilai murni baharu mengikut konteks modul yang telah dianalisis.



Rajah 2. Maklumat kursus MPU bagi kelompok U1 Ijazah Sarjana Muda di UiTM  
 Sumber: Penyelidik (2021)


### 4. DAPATAN KAJIAN

Analisis terhadap empat modul Kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) bagi kelompok U1 Ijazah Sarjana Muda di Universiti Teknologi MARA telah dijalankan secara deskriptif. Rajah 3 menunjukkan rangkaian kod nilai-nilai murni yang telah dianalisis bagi silibus serta modul bagi empat kod kursus MPU yang ditawarkan di bawah kelompok U1 Ijazah Sarjana Muda di UiTM. Kod kursus yang terlibat ialah seperti berikut:

- a) CTU551: Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)
- b) CTU552: Falsafah dan Isu Semasa

c) CTU553: Hubungan Etnik

d) CTU554: Etika dan Peradaban



Rajah 3. Rangkaian Nilai Murni yang terdapat di dalam Modul Kursus MPU U1 UiTM


Sumber: Penyelidik (2021)

Proses pengkodan bagi mengeluarkan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam kandungan silibus serta modul bagi keempat-empat kod kursus MPU ini telah dijalankan menggunakan perisian *ATLAS.ti9* melalui kaedah pengkodan terbuka. Pada awalnya, sebanyak 54 kod nilai murni yang telah dihasilkan. Namun, penyelidik telah mencantumkan beberapa kod nilai murni yang mempunyai maksud yang hampir sama, dan telah menghasilkan sebanyak 40 kod nilai murni akhir. Jadual 2 menunjukkan nilai-nilai murni yang telah dikeluarkan mengikut kod kursus yang terlibat. 40 kod nilai murni ini telah dikeluarkan dari keempat-empat modul kursus MPU bagi kelompok U1 Ijazah Sarjana Muda UiTM. Namun, terdapat beberapa nilai-nilai murni yang ada bagi satu-satu subjek, tetapi tiada bagi subjek yang berikutnya.

Jadual Error! No text of specified style in document.. Nilai-nilai murni di dalam silibus dan modul kursus MPU

	CTU 551 TITAS	CTU552 Falsafah dan Isu Semasa	CTU553 Hubungan Etnik	CTU554 Etika dan Peradaban
Amanah	/	x	/	/
Baik hati	/	x	x	x
Berdikari	/	/	x	/
Berdisiplin	/	/	x	x
Bertanggungjawab	x	/	/	/
Estetika	/	/	/	x
Falsafah	x	/	x	/
Hak asasi manusia	/	x	/	/
Hemah tinggi	/	x	/	/
Hormat menghormati	/	/	/	/
Inovatif	/	/	/	/
Jatidiri	x	/	/	/
Kasih sayang	/	/	/	x
Keadilan	/	/	/	/
Keagamaan	/	/	/	/
Kebebasan	/	/	/	/
Kebenaran	x	/	/	x
Keberanian	x	x	/	x
Kebersihan fizikal dan mental	/	/	/	x
Kebudayaan	/	x	/	/
Keharmonian	x	/	/	/
Keilmuan	/	/	/	x
Kejujuran	/	x	x	x
Keluargaan	/	x	x	x
Kemanusiaan	/	/	/	x
Kemasyarakatan	/	/	/	/
Kepatuhan	/	/	x	x
Kepimpinan	/	/	/	/
Keprihatinan	x	x	x	/
Kerajinan	x	x	/	/
Kerjasama	/	x	/	/
Kerohanian	/	/	/	x
Kesedaran	/	/	/	/
Kesederhanaan	/	x	/	x
Kesyukuran	/	/	/	x
Komunikatif	/	x	/	/
Patriotisme	/	x	/	/
Pemikiran	x	/	/	/
Perpaduan	/	x	/	/
Rasional	/	/	/	x
Sejarah	/	x	x	/
Taat Setia	/	/	/	/
Toleransi	/	/	/	/
Tolong Menolong	x	x	/	/

Sumber: Penyelidik (2021)



Rajah 4. Pembahagian nilai murni sedia ada dan nilai murni tambahan

Sumber: Penyelidik (2021)

Rajah 4 menunjukkan pembahagian 14 nilai-nilai murni sedia ada yang telah dikeluarkan dari silibus serta modul bagi keempat-empat kod kursus, serta 26 nilai-nilai murni tambahan yang diperolehi. Dapatan menunjukkan terdapat 14 daripada 16 kod nilai murni yang telah digariskan oleh Norazri (2015) ditemui di dalam modul, manakala 26 nilai murni tambahan telah dikeluarkan dari keempat-empat kod kursus MPU ini meliputi:

**Nilai bertanggungjawab:** nilai bertanggungjawab ini ditekankan di dalam konsep hubungan kemasyarakatan, di mana pemupukan nilai bertanggungjawab ini penting bagi membentuk masyarakat yang harmoni.

**Nilai estetika:** nilai estetika ini melibatkan perkembangan daya kreativiti serta kesenian. Ianya ditonjolkan melalui kesan peninggalan sejarah dari ketamadunan yang lalu, serta kesannya terhadap pembentukan identiti etnik yang berbeza-beza.

**Nilai falsafah:** nilai falsafah ini membincangkan mengenai falsafah yang didokong oleh ahli-ahli falsafah terdahulu mengenai konsep ilmu dan pemikiran.

**Nilai hak asasi manusia:** nilai hak asasi manusia ditekankan melalui perbincangan tentang peraturan-peraturan serta undang-undang yang memberikan hak-hak tertentu terhadap individu serta kelompok masyarakat. Undang-undang yang melindungi hak asasi manusia ini dapat memberi jaminan kepada kepentingan individu serta masyarakat.

**Nilai inovatif:** nilai inovatif ini melibatkan perbincangan mengenai daya rekacipta yang telah ditonjolkan melalui penghasilan teknologi-teknologi baharu dari zaman ketamadunan awal sehingga kini. Perbincangan mengenai impak penghasilan teknologi terhadap perkembangan kehidupan manusia turut dibincangkan samada dari sudut yang positif, mahupun sebaliknya.

**Nilai jati diri:** nilai jati diri merupakan perbincangan mengenai proses pembentukan identiti bangsa dan negara melalui peradaban serta sistem sosial. Penekanan terhadap kepentingan pembinaan negara bangsa menjadi isu perbincangan utama dalam menerapkan nilai jati diri.

**Nilai keagamaan:** nilai keagamaan menekankan tentang kepentingan kepercayaan agama dalam pembentukan tamadun. Ianya turut membincangkan tentang bagaimana agama menjadi pendorong kepada penghayatan nilai-nilai murni dalam kehidupan bertamadun. Nilai keagamaan merupakan nilai utama yang ditekankan di dalam pengajaran kursus MPU.

**Nilai kebenaran:** nilai kebenaran merupakan satu nilai yang menarik kesimpulan benar serta meyakinkan. Melalui kursus Falsafah dan Isu Semasa, nilai kebenaran ini ditekankan melalui perbezaan proses berfikir serta pernyataan yang benar ataupun salah. Ianya turut dibincangkan di bawah tajuk logik mantik yang dapat mengawal pemikiran manusia dari terpesong serta melakukan kesalahan sewaktu berfikir.

**Nilai kebudayaan:** Nilai kebudayaan sering ditekankan di dalam pengajaran kursus MPU dengan membincangkan mengenai perbezaan etnik, bangsa, dan budaya yang membentuk kepada pembinaan ketamadunan. Perbezaan kebudayaan ini juga turut memberi sumbangan kepada pembentukan nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

**Nilai keharmonian:** Melalui pengajaran kursus MPU, nilai keharmonian dapat difahami sebagai satu nilai yang dapat memastikan perbezaan yang ada perlu diurus untuk mewujudkan keamanan dan kestabilan bagi meraih kesejahteraan material. Penerapan nilai keharmonian melalui pengajaran kursus MPU ini dapat membantu untuk memastikan negara Malaysia sentiasa berada dalam keadaan aman dan damai, dengan masyarakatnya yang berbilang kaum.

**Nilai keilmuan:** Nilai keilmuan merupakan satu nilai yang menekankan ilmu pengetahuan sebagai asas dalam pembentukan tamadun. Peninggalan ilmu-ilmu dari tokoh-tokoh terdahulu banyak



meninggalkan kesan kemajuan kepada sesebuah tamadun. Melalui kursus MPU, nilai keilmuan ini diterapkan melalui penekanan terhadap sejarah serta kepentingan ilmu dalam pembinaan ketamadunan serta negara bangsa yang berdaya maju.

**Nilai kekeluargaan:** Nilai kekeluargaan merupakan penekanan terhadap institusi kekeluargaan sebagai satu elemen dalam pembentukan sistem sosial yang kukuh. Penjelasan mengenai nilai kekeluargaan ini dibuat melalui penerangan tentang kewajipan untuk memelihara zuriat dan keturunan, serta hak dan tanggungjawab institusi kekeluargaan dalam memastikan pembentukan sebuah masyarakat yang baik.

**Nilai kemanusiaan:** Nilai kemanusiaan meliputi pengetahuan tentang hak asasi manusia serta pemeliharaan hubungan di antara manusia dengan manusia. Nilai kemanusiaan ini dijelaskan melalui pengajaran konsep insan serta kepentingan untuk saling menjaga keselamatan nyawa serta hak kehidupan sesama manusia.

**Nilai kepatuhan:** Nilai kepatuhan menekankan kepada rasa tunduk dan patuh kepada undang-undang, serta kepatuhan kepada Tuhan. Ianya telah dibincangkan melalui pengajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa.

**Nilai kepimpinan:** Nilai kepimpinan merupakan nilai yang kerap dibincangkan di dalam subjek-subjek bagi kursus MPU. Ianya meliputi perbincangan mengenai sistem pemerintahan yang telah diamalkan sejak zaman berzaman bagi membentuk sebuah ketamadunan yang gemilang. Nilai kepimpinan ini ditonjolkan melalui perbincangan mengenai kejayaan sesebuah pemerintahan, serta faktor-faktor yang menyebabkan kejatuhan bagi sesebuah pemerintahan.

**Nilai keprihatinan:** Nilai keprihatinan dibincangkan melalui subjek Etika dan Peradaban, di mana nilai keprihatinan telah menjadi satu nilai yang diterima umum sebagai nilai yang menjadi adab.

**Nilai kerohanian:** Nilai kerohanian berhubung kait dengan elemen kepercayaan seseorang terhadap sesuatu pegangan. Melalui kursus MPU, nilai kerohanian ini banyak memperkatakan tentang elemen spiritual bagi pegangan kepercayaan sesuatu fahaman.

**Nilai kesederhanaan:** Nilai kesederhanaan merupakan penekanan terhadap keseimbangan terhadap sesuatu. Sebagai contoh, nilai kesederhanaan di dalam subjek TITAS memberikan penekanan terhadap keseimbangan di antara kerohanian dan kebendaan, serta antara kepentingan individu dan masyarakat.

**Nilai komunikatif:** Nilai komunikatif di dalam subjek Hubungan Etnik, nilai komunikatif ditekankan melalui proses interaksi sosial yang dibentuk di dalam sesebuah masyarakat. Manakala, bagi subjek Etika dan Peradaban, nilai komunikatif ini telah dibincangkan di dalam perbincangan mengenai media baharu serta impaknya terhadap pembangunan masyarakat.

**Nilai patriotisme:** Nilai patriotisme merupakan satu gambaran mengenai rasa kecintaan serta kebanggaan terhadap negara. Melalui kursus MPU, penyampaian nilai patriotisme ini dilakukan dengan menanamkan semangat perpaduan nasional, serta rasa cinta kepada negara tanpa mengira perbezaan etnik dan bangsa.

**Nilai pemikiran:** Nilai pemikiran banyak dibincangkan di dalam subjek Falsafah dan Isu Semasa. Nilai pemikiran di dalam subjek Falsafah dan Isu Semasa berkait rapat dengan peranan logik dan mantik dalam membentuk kerangka berfikir manusia.

**Nilai perpaduan:** Nilai perpaduan merupakan satu nilai atau fenomena sosial untuk membentuk persefahaman serta kesepaduan dalam kepelbagaian masyarakat. Kursus-kursus MPU banyak menekankan mengenai nilai perpaduan ini melalui sejarah pemerintahan terdahulu sehingga kini. Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pemerintahan bermula dari zaman Rasulullah SAW bagi menyatupadukan kaum yang berbeza telah dibincangkan secara mendalam.

**Nilai sejarah:** Nilai sejarah berkait rapat dengan peristiwa-peristiwa yang telah terjadi yang di anggap penting dan berguna kepada kehidupan manusia. Di dalam kursus TITAS serta Etika dan Peradaban, topik perbincangan mengenai sejarah ketamadunan telah ditekankan bagi memberikan nilai tambah kepada pengetahuan pelajar. Nilai sejarah ini penting untuk membentuk nilai jati diri di dalam diri pelajar.

**Nilai taat setia:** Nilai taat setia ini merupakan satu nilai yang menggambarkan ketaatan serta sifat akur kepada sesuatu serta lambang kesetiaan. Di dalam kursus MPU, nilai taat setia ini disampaikan melalui penekanan terhadap taat setia kepada warisan dan budaya, serta taat setia kepada sistem raja berperlembagaan yang diamalkan di negara Malaysia.

**Nilai toleransi:** Penyampaian nilai toleransi di dalam silibus kursus-kursus MPU memberi penekanan kepada sikap terbuka dan bertolak ansur di dalam interaksi sosial. Nilai toleransi ini dapat dilihat melalui interaksi di antara ketamadunan-ketamadunan yang ada, serta dalam kehidupan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

**Nilai tolong menolong:** Nilai tolong menolong merupakan sikap bantu-membantu yang ditonjolkan oleh seseorang individu terhadap individu yang lain. Di dalam kursus MPU, penekanan terhadap kerangka keagamaan dalam memupuk nilai tolong menolong ini dapat dilihat secara jelas melalui subjek Hubungan Etnik. Sebagai contoh, konsep takaful di dalam agama Islam menggalakkan nilai tolong menolong dalam konteks sosial.

## 5. PERBINCANGAN

Berdasarkan maklumat kursus bagi keempat-empat kod kursus yang telah dianalisis, matlamat bagi kursus MPU kelompok U1 Ijazah Sarjana Muda ini ialah untuk memupuk jati diri kebangsaan serta penanaman nilai-nilai murni dan moral ke dalam diri pelajar. Justeru, penerapan nilai-nilai murni yang terkait dengan kursus yang ditawarkan ini menjadi matlamat utama penyampaian kursus tersebut. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa terdapat banyak nilai murni yang terkandung di dalam modul kursus MPU yang ditawarkan kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda di UiTM. Terdapat 26 kod nilai murni baharu yang telah dikeluarkan daripada keempat-empat modul Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Falsafah dan Isu Semasa, Hubungan Etnik, serta Etika dan Peradaban. Dapatan ini menunjukkan bahawa penawaran kursus MPU yang bermatlamat untuk menerapkan nilai murni serta jati diri remaja di peringkat Institusi Pengajian Tinggi adalah kekal relevan. Malah, nilai murni yang telah diperolehi melalui kajian ini membuktikan bahawa ianya tidak terbatas kepada 16 nilai murni yang dinyatakan di dalam kajian Norazri (2015) sahaja. Justeru, banyak nilai murni lain yang boleh ditekankan secara implisit dan eksplisit oleh para pensyarah di dalam pengajaran dan pembelajaran kursus MPU. Dapatan kajian ini juga berbeza dengan pandangan Nurazidawati dan Kamisah (2019) mengenai penekanan terhadap elemen nilai murni di dalam kurikulum adalah lebih banyak memfokuskan kepada aspek motivasi, sikap dan kepercayaan serta telah meminggirkan kajian mengenai aspek nilai. Maka, kajian ini dapat membantu para penyelidik untuk memfokuskan kepada aspek nilai yang pelbagai dalam membentuk jati diri serta sikap pelajar.

Seterusnya, 26 kod nilai murni baharu yang telah dianalisis menunjukkan kepelbagaian serta variasi nilai murni yang ditonjolkan di dalam modul pengajaran kursus MPU. Variasi rangkaian nilai murni baharu ini selari dengan tuntutan dan situasi pendidikan semasa di Malaysia. Sebagai contoh, nilai inovatif seperti penggunaan teknologi sebagai medium pengajaran dan pembelajaran amatlah digalakkan kerana ia akan menyemarakkan kemahiran pelajar untuk menjadi lebih kreatif, berintelektual dan bermotivasi (Adlina et.al, 2020). Malah, nilai murni yang berunsurkan spiritual seperti nilai kerohanian adalah penting bagi membentuk pelajar yang seimbang dan harmoni. Menurut Saharia (2015), pembangunan insan yang seimbang dan holistik tidak akan meminggirkan mana-mana aspek bahkan akan digabungkan agar dapat melahirkan insan yang mempunyai pegangan agama, nilai-nilai murni serta berkemahiran. Elemen-elemen pembangunan intelektual, emosi dan rohani, serta fizikal yang digabungkan akan melahirkan graduan serta insan yang holistik. Nilai

kerohanian ini turut ditekankan melalui pesanan Luqman al-Hakim tentang larangan untuk mensyirikkan Allah yang terdapat di dalam surah Luqman, ayat 13:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Maksudnya:

Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.

(Luqman: ayat 13)

Selain itu, pendidikan merupakan mekanisme yang sangat penting dalam menerapkan nilai-nilai murni dalam sesebuah masyarakat ke arah membentuk negara yang maju dan moden. Menurut Ibnu Khaldun (1967), kemajuan dan kemunduran sesebuah negara serta tamadun, banyak bergantung kepada sejauh mana umat itu berpegang kepada nilai-nilai murni dan ketinggian akhlak. Pernyataan ini turut disokong oleh seorang penyair Arab bernama Ahmad Shauqi Bek yang berkata:

إِنَّمَا الْأُمَمُ الْأَخْلَاقُ مَا بَقِيَتْ فَإِنْ هُمْ ذَهَبَتْ أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبُوا

Maksudnya:

Sesungguhnya sesebuah masyarakat itu akan ada selagi ada akhlaknya. Sekiranya akhlaknya tiada, masyarakat akan lenyap.

(Siti Norlina & Mohd Nasir, 2004)

Maka, nilai perpaduan, toleransi dan tolong menolong akan memberi kesan terhadap pembentukan masyarakat yang bersatu-padu dan harmoni di dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Menurut Ateerah at.al, (2022), beberapa usaha yang berkaitan penanaman nilai toleransi perlu ditambah baik untuk memastikan setiap individu dapat meraikan kepelbagaian masyarakat di Malaysia. Justeru, dapatan kajian ini telah membantu kefahaman mengenai kepentingan nilai murni untuk diterapkan secara holistik melalui modul dan pengajaran kursus MPU bagi melahirkan graduan masa hadapan yang mempunyai nilai murni dan jati diri yang teguh serta membina sebuah masyarakat yang harmoni.

## 6. KESIMPULAN

Secara umumnya, kajian ini telah membincangkan mengenai nilai-nilai murni yang terdapat di dalam modul pengajaran Kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) bagi subjek di bawah kelompok U1, Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi MARA. Empat modul kursus MPU yang meliputi kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Hubungan Etnik, Falsafah dan Isu Semasa, serta Etika dan Peradaban telah dianalisis menggunakan perisian *ATLAS.ti9*. Penyelidik telah menjalankan pengekodan terbuka terhadap keempat-empat modul kursus MPU tersebut dan telah merumuskan 40 kod nilai murni yang terkandung di dalam modul kursus MPU yang dianalisis. Pemadanan dan perbandingan kod nilai murni yang telah dianalisis melalui kajian ini turut dijalankan terhadap dapatan kajian Norazri (2015) mengenai 16 nilai murni yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Kajian ini mendapati terdapat 26 kod nilai murni baharu yang terkandung di dalam keempat-empat modul yang telah dianalisis. Dapatan ini telah membuktikan kerelevanan serta kepentingan penawaran kursus MPU dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk memupuk pendidikan berasaskan nilai, seterusnya melahirkan generasi yang mempunyai jati diri serta nilai murni yang kukuh. Dapatan kajian ini dapat membantu para pelajar untuk memahami apakah nilai-nilai murni yang akan mereka peroleh dari pengajaran dan

pembelajaran subjek-subjek di bawah Kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU), serta menghayati nilai murni yang diterapkan untuk mempersiapkan diri mereka sebagai warganegara Malaysia yang berketerampilan serta berdaya maju.

## RUJUKAN

Al-Quran

Al-Hadis

Adlina Abdul Khalil, Mohamad Khairi Hj. Othman, & Mohd. Kasri Saidon. (2020). Memacu Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0: Penerapan Nilai-nilai Islam dan Inovasi dalam Pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi. *Islāmiyyāt*, 42(Khas), 13–20. <http://ejournal.ukm.my/islamiyyat/article/view/40592>

Ateerah Abdul Razak, Shahrman Abu Bakar, Nur Azuki Yusuff, Noor Hisham Md Naw, & Burhan Che Daud. (2022). Nilai toleransi dalam Mata Pelajaran Umum Menurut Perspektif Pelajar. *Borneo International Journal*, 5(1), 1–7.

Che Hussain, F., & Abdul Kadir, F. A. (2018). Sumbangan Pengajian Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Terhadap Pembentukan Hati Budi Mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). *Journal of Al-Tamaddun*, 7(1), 15–35. <https://doi.org/10.22452/jat.vol7no1.2>

Ibnu Khaldun & Franz Rosenthal. (1967), *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.

Kementerian Pengajian Tinggi. (2016). *Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua*.

Luqman Arif Abdul Karim. (2019). *Dua kursus wajib baharu UA | Nasional | Berita Harian*. Retrieved November 28, 2019, from 25 September 2019 website: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/611033/dua-kursus-wajib-baharu-ua>

Mohamad Khairi Othman. (2013). *Penerapan Nilai Murni dalam Pengajaran dan Hubungannya dengan Penghayatan Nilai Murni dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah* (Vol. 26).

Mohamad Khairi Othman. (2016). Development of Akhlaq and Values in Students: What is the Suitable Application Technique? *The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences*, 849–855. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2016.08.119>

Mohammad Muslihuiddin Syah Haji Mustafa. (2014). Penerapan Nilai Akhlak Dalam Menjana Pembangunan Belia. *Seminar Pendidikan Usuluddin Ketiga Peringkat Serantau Penerapan*, 1–16.

Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Isa Hamzah, & Asnuurien Najma Ahmad. (2006). *Pembentukan Modal Insan Melalui Kursus Pengajian Umum Di Institut Pengajian Tinggi Awam Dan Politeknik*. <https://www.Academia.Edu/18901781/>, 209–218.

Nor Hayati Fatmi Binti Talib, Bani Hidayat Bin Mohd Shafie, Mohd Huzairi Bin Awang @ Husain, Hajarul Bahti Binti Zakaria, Nabiroh Binti Kassim, & Prof. Madya Dr Ab. Halim Bin Tamuri. (2010). Pendidikan Tamadun Islam Dalam Menangani Berbilang Budaya di Malaysia, Satu Tinjauan. *International Conference on Learner Diversity ICELD 2010*, (October), 182–193.

- Norazri Mohd Zaidin. (2015). *Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Ke Arah Pembentukan Sahsiah Pelajar Di Kolej Kemahiran Tinggi Mara*. In Dissertation.
- Nurazidawati Mohamad Arsad, & Kamisah Osman. (2019). Penerapan nilai murni melalui interaksi T-A-M dan kitaran pengajaran 5E dalam modul tauhidik STEM kids. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 44(1), 67–82
- Othman Talib. (2019). *Analisis Data Kualitatif dengan Atlas.ti8 Penerangan Lengkap Langkah Demi Langkah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 21-45.
- Saharia Haji Ismail. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah. *Journal of Human Capital Development*, 8(2), 83–100.
- Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohamad Fuad Ishak, & Shazarina Zdainal Abidin. (2018). Konsep Penerapan Dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ( FPK ). *Conference: International Conference On Moslem Society 2018*, (May), 1–13.
- Siti Norlina, M., & Mohd Nasir, R. (2004). Pemupukan Akhlak Muslim Menurut Pandangan Ibnu Miskawayh. *Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)*, 1–11. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my/1855/1/31.pdf>

Noor Syahida binti Md Soh (Corresponding author)

Pusat Asasi  
Universiti Teknologi MARA,  
Cawangan Selangor, Kampus Dengkil  
43800 Dengkil , Selangor  
Email: [noors8233@uitm.edu.my](mailto:noors8233@uitm.edu.my)

Faridah binti Mohd Sairi  
Pusat Asasi  
Universiti Teknologi MARA,  
Cawangan Selangor, Kampus Dengkil  
43800 Dengkil , Selangor  
Email: [faridah0052@uitm.edu.my](mailto:faridah0052@uitm.edu.my)

Mohd Annas Shafiq bin Ayob  
Pusat Asasi  
Universiti Teknologi MARA,  
Cawangan Selangor, Kampus Dengkil  
43800 Dengkil , Selangor  
Email: [mohdannas0382@uitm.edu.my](mailto:mohdannas0382@uitm.edu.my)